

ID10

## TAHAP PENGLIBATAN KOMUNITI KEJIRANAN FRIM DALAM PROGRAM PEMULIHARAAN FRIM SEBAGAI TAPAK WARISAN DUNIA UNESCO.

Azreena AK<sup>1</sup>, Mohd Parid M & Lim HF

### Abstrak

Kajian ini dijalankan bagi menilai tahap penglibatan komuniti setempat dalam program pemuliharaan Tapak Warisan Kebangsaan FRIM dalam penglibatan umum serta empat peringkat penglibatan iaitu perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan perkongsian faedah. Seramai 600 responden wakil isi rumah telah dipilih secara rawak dari kalangan penempatan komuniti yang berhampiran dengan persekitaran Tapak Warisan Kebangsaan FRIM. Maklumat kajian dikumpul melalui temu bual dari rumah ke rumah menggunakan borang soal selidik dan dianalisis melalui aplikasi perisian SPSS. Skor min bagi tahap penglibatan komuniti ditentukan dengan menggunakan Kaedah Skala Likert. Hasil kajian menunjukkan penglibatan umum komuniti setempat dalam aktiviti yang dianjurkan FRIM berada pada tahap yang rendah dengan nilai skor min iaitu 1.18. Manakala penglibatan komuniti dalam empat peringkat penglibatan yang lain turut menunjukkan keputusan julat skor min antara 1- 2.33 iaitu tahap penglibatan yang rendah. Antara faktor yang telah dikenalpasti mempengaruhi penglibatan komuniti adalah kesedaran tentang faedah program, keinginan melihat sumber alam, peranan individu dalam program, sikap dan personaliti individu tersebut. Kertas kerja ini diharap dapat memberikan maklumat asas kepada FRIM bagi merangka program untuk meningkatkan penyertaan komuniti dalam pemuliharaan FRIM kearah pengiktirafan UNESCO sebagai Tapak Warisan Dunia.

**Kata Kunci:** penglibatan komuniti, FRIM, tapak warisan dunia UNESCO, peringkat penglibatan, libatsama komuniti

### PENGENALAN

Warisan merupakan aset khazanah yang dapat menarik kedatangan pelancong di mana warisan dijadikan sebagai komponen yang penting dalam sektor pelancongan. Pemuliharaan sumber warisan merupakan inisiatif yang telah lama dipraktikkan di serata dunia. Inisiatif ini dapat dilaksanakan melalui pembangunan kawasan yang mempunyai kepelbagaian sumber asli, flora dan fauna dan pada masa yang sama perlu dipelihara bagi menstabilkan ekosistem di kawasan tersebut. Antara contoh pembangunan yang boleh dijadikan pendekatan untuk memelihara dan memulihara sumber warisan ini adalah dengan mengiktiraf sesuatu kawasan sebagai Taman Negara, Tapak Biosfera, Tapak Warisan Dunia, Tapak Ramsar dan lain-lain. ( Saidin et al., 2015).

Komuniti adalah sekumpulan manusia yang berkongsi kawasan geografi serta mempunyai budaya, nilai, bangsa, atau kelas sosial yang sama. Dalam Tapak Warisan Dunia (TWD), sebuah komuniti merujuk kepada penempatan yang berada berhampiran dan sekitar kawasan TWD yang berperanan penting dalam pemuliharaan TWD. Penglibatan komuniti merupakan sebuah hubungan yang dibina oleh ahli komuniti melalui kerjasama dalam mencapai matlamat yang sama dan mendorong masyarakat komuniti menjalani kehidupan yang lebih baik (Rasoolimanesh & Jaafar ,2016, McCloskey et al,2011). Penyertaan masyarakat dalam pengurusan warisan secara tidak langsung boleh

---

<sup>1</sup> Program Perhutanan Sosial, Bahagian Perancangan Penyelidikan, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) ; azreena@frim.gov.my

menyelesaikan konflik antara keperluan dan kepentingan penduduk dalam mencapai hidup yang berkualiti dan dapat mengikuti arus pembangunan ekonomi (Sirisrisak,2009).

Hal ini amat penting dalam usaha pemuliharaan persekitaran Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) yang telah diiktiraf sebagai Tapak Warisan Semulajadi (TWS) pada tahun 2009, dan Tapak Warisan Kebangsaan (TWK) pada tahun 2012. Menerusi Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11), FRIM berusaha untuk mendapatkan pengiktirafan terulung Tapak Warisan Dunia bagi memastikan kelestarian FRIM sebagai hutan tropika buatan manusia yang pertama dan tertua di dunia. Projek kajian "Penglibatan komuniti dan berbagai pemegang taruh dalam program pemuliharaan TWS FRIM" adalah projek yang melibatkan berbagai pemegang taruh khususnya komuniti dan agensi yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam usaha untuk merealisasikan hasrat tersebut.

Kajian penentuan tahap penglibatan komuniti kejuranan TWK FRIM merupakan salah satu kajian yang mengkaji kesedaran komuniti dalam memulihara sumber warisan alam ini. Kegagalan memupuk kesedaran masyarakat menyebabkan usaha mengembeleng aset warisan untuk pelbagai kegunaan menjadi sukar. Kebergantungan sesebuah masyarakat terhadap persekitaran mencerminkan identiti sebenar masyarakat dalam sesebuah kawasan (Mansfield, 2008). Oleh itu, pendekatan ini adalah bertujuan mengkaji tahap penglibatan komuniti setempat dari peringkat perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan perkongsian faedah dalam memastikan persekitaran TWK FRIM dipelihara dan dipulihara dengan baik. Faktor menyumbang kepada tahap penglibatan di kalangan komuniti dalam program pemuliharaan FRIM sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO merupakan elemen penting dalam menambah nilai kajian dan dalam memastikan usaha yang berterusan dalam memulihara sumber warisan.

## TINJAUAN LITERATUR

Penglibatan adalah satu konsep yang sangat luas (Lane 1995) yang sering digunakan oleh orang yang berbeza dengan makna yang sangat berbeza (Nelson dan Wright 1995). Pelbagai penglibatan yang berlainan diperhatikan dalam definisi ini, "penglibatan ditakrifkan dari segi keanggotaan nominal dari segi proses interaktif dinamik di mana semua pihak berkepentingan, bahkan yang paling kurang berkemampuan, mempunyai suara dan pengaruh dalam membuat keputusan". (Agarwal 2001). Kepentingan penglibatan merujuk kepada kumpulan yang kurang bernasib baik dalam definisi mereka iaitu "penglibatan orang miskin dan yang kurang bernasib baik dari segi kekayaan, pendidikan, etnik atau jantina" seperti dalam kajian lepas oleh Warner, (1997). Kelly (2001) juga telah mengenal pasti peranan penting dalam membuat keputusan dalam definisi ini "penglibatan adalah pelbagai proses di mana masyarakat tempatan terlibat dan memainkan peranan dalam isu-isu yang memberi kesan kepada mereka".

Price dan Mylius (1991) menyatakan "Penglibatan bermaksud penglibatan benefisiari yang dimaksudkan dalam perancangan, reka bentuk, pelaksanaan dan penyelenggaraan seterusnya campur tangan dalam pembangunan. Ini bermakna orang ramai digerakkan, menguruskan sumber dan membuat keputusan yang mana secara tidak langsung mempengaruhi kehidupan mereka". Satu persamaan untuk semua definisi adalah peranan komuniti dalam membuat keputusan dalam setiap peringkat pembangunan. Menurut Cohen & Uphoff (1980), terdapat empat (4) peringkat penglibatan komuniti iaitu; pembuatan keputusan, pelaksanaan, penerimaan faedah dan penilaian. Selain itu, terdapat beberapa kajian telah menyatakan bahawa hanya dua (2) peringkat dalam penglibatan komuniti iaitu membuat keputusan dan penerimaan faedah (Timothy, 1999), dan tahap penyertaan dan pembahagian kuasa dalam pelaksanaan (Haslina & Regina, 2009). Merujuk kepada kajian yang telah dilakukan oleh Wissbrun dan Eckart (1992), terdapat empat (4) peringkat

penglibatan komuniti iaitu pemerhati (*spectator*), menyokong (*support*), melibatkan diri (*engagement*) dan pembuatan keputusan (*decision making*).

Pelbagai kaedah telah diaplikasi dan digunakan dalam menentukan skor tahap penglibatan komuniti. Menurut Kwok & Haris (2013), terdapat tiga (3) skor tahap penglibatan komuniti yang mana ianya menggunakan nilai dan formula pengiraan min dan sisihan piawai. Dalam kajian Arnstein (1969), beliau telah menentukan skor penglibatan dengan menggunakan maklumat pemberat dan jumlah peratusan responden. Pemberat ditentukan berdasarkan kepada tahap penglibatan responden dalam suatu program yang dilaksanakan. Semakin kurang penglibatan, semakin rendah nilai pemberat yang diberikan. Kajian penggunaan Skor Min dengan menggunakan lima (5) mata Skala Likert telah dinyatakan oleh Fauziah et al. (2015). Penentuan julat antara skor dilakukan dengan menilai jumlah interval antara lima (5) mata Skala Likert dan dibahagikan dengan tiga (3) tahap penglibatan iaitu rendah, sederhana dan tinggi. Jadual di bawah menunjukkan intreprasi tahap penglibatan mengikut perbezaan julat perbezaan skor min 2.33.

**Jadual 1:** Tahap Penglibatan mengikut Skor Min

Skor Min	Tahap Penglibatan	Penanda
1 – 2.33	Rendah	Rendah (R)
2.34 – 3.66	Sederhana	Sederhana (S)
3.67 – 5	Tinggi	Tinggi (T)

**Sumber:** Fauziah et al. (2015)

Merujuk kajian oleh Kamnap (2003), formula untuk mengukur Indeks Penglibatan (*Participation Index*) komuniti bagi 5 mata Skala Likert iaitu Sangat Kerap (1.0) , Kerap (0.8), Kadang-kadang (0.6), Sekali sekala (0.4) dan Tidak Pernah (0.2) adalah seperti berikut ;

$$IP = [ (X_5 * 1) + (X_4 * 0.8) + (X_3 * 0.6) + (X_2 * 0.4) + (X_1 * 0.2) ] / N$$


**Sumber:** Kamnap (2003)

**IP** = Indeks Penglibatan (*Participation Index*)    **N** = Jumlah responden

**X<sub>5</sub>** = kekerapan responden yang mengambil bahagian sangat kerap, **X<sub>4</sub>** = kekerapan responden yang mengambil bahagian kerap, **X<sub>3</sub>** = kekerapan responden yang mengambil bahagian kadang-kadang, **X<sub>2</sub>** = kekerapan responden yang mengambil bahagian sekali-sekala, **X<sub>1</sub>** = kekerapan responden yang mengambil bahagian tidak pernah.

## METODOLOGI KAJIAN

Lokasi utama kajian adalah kawasan penempatan yang terletak berhampiran, bersebelahan atau bersempadan dengan FRIM sama ada Kampung Tradisi, Apartment, Pangsapuri dan Taman- taman perumahan. FRIM terletak di kawasan seluas 545 hektar bersebelahan dengan Hutan Simpan Bukit Lagong di Kepong, Selangor kira-kira 16 km di barat laut dari Kuala Lumpur. Pemilihan lokasi kajian berdasarkan semua kawasan penempatan yang termasuk dalam kategori kelas zon buffer dan tertiary mengikut peta persempadanan kawasan FRIM (Rajah 1).



**Rajah 1:** Kawasan Penempatan yang bersempadanan dengan FRIM

**Sumber:** Program Tapak Warisan, FRIM

Terdapat dua jenis data utama yang dikumpul melalui kajian ini, iaitu data primer dan sekunder. Data primer melibatkan kaedah *Rapid Rural Appraisal* (RRA), perbincangan berkumpulan dan individu dan survei ke atas isi rumah. RRA asasnya terdiri daripada aktiviti yang dijalankan oleh sekumpulan individu bertujuan untuk mengkaji tentang topik tertentu, kawasan, keadaan, sekumpulan orang termasuklah pengumpulan maklumat dengan bercakap langsung dengan responden di lapangan. Data sekunder pengumpulan maklumat dari bahan-bahan cetakan seperti laporan tahunan, buku, jurnal dan lain-lain bahan yang berkaitan. Maklumat yang diperolehi daripada jabatan dan agensi kerajaan seperti Peta Penempatan juga diambil kira sebagai maklumat sekunder. Berdasarkan RRA yang telah dilaksanakan, Jadual 2 menunjukkan jumlah populasi komuniti sekitar TWK FRIM mengikut kategori penempatan.

**Jadual 2:** Kategori Komuniti Kejiranan di Sekitar FRIM

Kategori Penempatan	Jumlah	Jumlah Rumah	Jumlah Populasi
Taman Perumahan/ Apartment	35	18,829	75,570
Kampung	12	2,263	21,432
Jumlah Keseluruhan	47	21,092	97,002

**Sumber:** Soal Selidik di Lapangan (2017)

Bagi kajian ini, teknik menganggar saiz sampel yang digunakan adalah berdasarkan formula Yamano (1985).

$$n = \frac{N}{1+N(e)^2}$$

Di mana,  $n$  = saiz sampel  
 $N$  = saiz populasi  
 $e$  = ralat

Secara umumnya, borang soal selidik terbahagi kepada Dua (2) seksyen utama iaitu Seksyen 1- Tahap Penglibatan Komuniti dan Seksyen 2- Maklumat Sosio Ekonomi dan Demografik. Seksyen 1 terdiri daripada Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C, Bahagian D, dan Bahagian E yang mana semua soalan adalah berkaitan penglibatan. Semua soalan dalam Seksyen 1 adalah jenis dalam skala Likert mengikut kekerapan iaitu 1 hingga 5. Bagi skala 1 adalah *Tidak Pernah*, 2 adalah *sekali sekala*, 3 adalah *kadang-kadang*, manakala 4 dan 5 menunjukkan *kerap* dan *sangat kerap*. Temu ramah secara bersemuka di setiap rumah komuniti sekitar FRIM telah dijalankan bermula Jun hingga Disember 2017. Data yang diperolehi dimasukkan ke dalam sistem berkomputer menggunakan perisian Statistical

Package for Social Science (SPSS) dan pengesahan data dilakukan oleh pegawai penyelidik menggunakan analisa deskriptif dan analisa varian (ANOVA).

## DAPATAN KAJIAN

### Ciri Demografi Responden

Jumlah responden yang telah ditemuramah adalah seramai 600 responden yang dijalankan secara rawak ke atas 18 buah penempatan terpilih yang lokasinya berhampiran dengan persekitaran TWK FRIM yang terdiri daripada dua (2) kampung tradisi , lapan (8) apartment dan lapan (8) taman perumahan. Kajian menunjukkan majoriti responden adalah dari kawasan perumahan Taman Ehsan dengan jumlah 170 orang dari 600 responden iaitu 28.3%. Manakala Taman Paragon Utama, Apartment Greenhill, Kg. Melayu FRIM, dan Apartment Hijau Ria masing-masing mencatat jumlah minoriti responden yang ditemuramah adalah kurang dari 10 orang. Ciri demografografi responden seperti jantina, umur, status perkahwinan, pendidikan, kaum, dan agama ditunjukkan dalam Jadual 3.

**Jadual 3: Ciri Demografi Responden**

<b>Ciri-ciri demografi</b>	<b>Frekuensi (N=600)</b>	<b>Peratusan (%)</b>
<b>Jantina</b>		
Perempuan	324	59
Lelaki	227	41
<b>Umur</b>		
<21 tahun	16	3
21 tahun-30 tahun	87	14
31 tahun-40 tahun	112	19
41 tahun-50 tahun	83	14
51 tahun-60 tahun	136	22
>60 tahun	167	28
<b>Status perkahwinan</b>		
Bujang/Duda/janda	83	15
Berkahwin	518	86
<b>Pendidikan</b>		
Tiada pendidikan formal	18	4.5
Sekolah rendah	41	10.2
Sekolah menengah rendah	65	16.2
Sekolah menengah tinggi	174	43.4
Diploma	66	16.5
Universiti	37	9.2
<b>Kaum/ Bangsa</b>		
Melayu	367	61
Cina	153	26
India	79	13
Orang Asli	2	0
<b>Agama</b>		
Islam	373	62
Buddha	148	25
Hindu	67	11
Kristian	11	2
Lain-Lain	2	0

**Sumber:** Soal Selidik di Lapangan (2017)



Analisis mendapati jumlah responden adalah dari kalangan lelaki iaitu seramai 324 orang (59%) manakala responden perempuan adalah 227 orang (41%). Dari segi umur, sebanyak 28% responden dari komuniti setempat di sekitar kawasan Tapak Warisan Kebangsaan FRIM adalah terdiri dari mereka yang berumur 60 tahun ke atas. Manakala sebanyak 3% iaitu 16 orang adalah responden yang berumur 21 tahun dan ke bawah. Kajian menunjukkan kepelbagaian umur responden menunjukkan keterlibatan komuniti tidak terhad kepada satu generasi sahaja (Yusoff & Aziz, 2010). Seramai 518 orang responden iaitu 86% berstatus telah berkahwin, 83 orang responden (15%) adalah bujang.

Selain itu, keputusan menunjukkan majoriti tahap pendidikan responden adalah Pendidikan Menengah Tinggi dengan 246 orang responden iaitu sebanyak 41% (Jadual 4). Manakala minoriti responden mempunyai tahap pendidikan master atau PhD iaitu seramai 6 orang responden (1.0%). Secara umumnya, penduduk di sekitar TWK FRIM adalah berbangsa kaum melayu dengan jumlah seramai 367 orang responden iaitu 61.1%, diikuti kaum cina dengan catatan sebanyak 153 orang responden (25.5%), kaum india 79 orang responden (13.1%), orang asli dan lain-lain mencatat jumlah yang sama iaitu masing-masing seorang responden dengan peratus 0.20%. Agama Islam merupakan agama majoriti yang dianut dari kalangan responden yang berada di sekitar kawasan TWK FRIM dengan nilai kekerapan 373 orang responden iaitu 62% (Jadual 4).

Dari segi pekerjaan, analisis menunjukkan seramai 144 orang daripada 600 orang komuniti bekerja dalam sektor swasta iaitu 24% dan pelajar merupakan kategori minoriti iaitu seramai 26 orang sahaja (4%). Bilangan ahli isi rumah bagi penduduk di sekitar TWK FRIM adalah seramai 5 orang iaitu 127 dari 600 orang responden (21%). Daripada analisis, seramai 209 dari 600 orang responden (35%) mencatat sekurang-kurangnya 2 orang ahli isi rumah yang bekerja. Majoriti menunjukkan sekurang-kurangnya dua orang ahli isi rumah menjadi tanggungan seramai 164 orang responden (27%). Keputusan menunjukkan jumlah pendapatan tunai kasar ahli isi rumah adalah dari RM1501 hingga RM3500 dengan nilai kekerapan sebanyak 185 orang responden (31%). Selain itu, sebanyak 31% responden mempunyai jumlah pendapatan bulanan antara RM1501 hingga RM3500. Seramai 502 orang (83%) komuniti di sekitar FRIM masuk dan mengunjungi FRIM kurang daripada 10 hari dalam sebulan (Jadual 4).

**Jadual 4:** Kekerapan Ahli Isi Rumah Masuk Ke Kawasan FRIM

Kekerapan Hari	Frekuensi (N=600)	Peratusan (%)
Kurang Dari 10 Hari/Sebulan	502	83.5
11 Hingga 20 Hari/Sebulan	63	10.5
21-30 Hari/Sebulan	36	6.0

**Sumber:** Soal Selidik di Lapangan (2017)

Hasil analisis mendapati majoriti bilangan ahli isi rumah yang bekerja di FRIM adalah sekurang-kurangnya seorang iaitu 16 responden (3%) dan paling sedikit bilangan ialah seramai 6 orang dengan nilai kekerapan 3 orang. Selain itu, jumlah ahli isi rumah yang memiliki dan mengusahakan perniagaan di dalam FRIM adalah seramai 3 daripada 600 orang. Penglibatan komuniti setempat iaitu ahli isi rumah dalam menyertai kelab "*Friends of FRIM*" pula adalah 3% iaitu seramai 18 orang. Manakala komuniti yang memiliki Pas Riadah Tahunan FRIM adalah seramai 104 dari 600 orang responden (17%). Di samping itu, seramai 18 orang responden mengatakan sekurang-kurangnya seorang daripada ahli isi rumah adalah ahli kepada organisasi bukan kerajaan atau kelab berkaitan alam sekitar iaitu sebanyak 3%.

## Tahap Penglibatan

Secara keseluruhannya, penglibatan umum komuniti kejurangan terhadap program pemuliharaan yang dijalankan di FRIM adalah di tahap rendah iaitu dengan nilai purata skor min 1.18. Penglibatan komuniti dalam program yang dijalankan di FRIM diteliti berdasarkan kehadiran serta penyertaan penduduk setempat ke program yang dijalankan oleh pihak FRIM (Jadual 6). Penglibatan komuniti dalam Program Gotong –royong mendapat nilai skor min yang paling tinggi antara 10 item yang diketengahkan dalam peringkat penglibatan umum i dalam usaha pemuliharaan TWK FRIM iaitu nilai skor min 1.28 manakala Program Sesi Dialog bersama orang awam memperolehi nilai skor min paling rendah iaitu 1.11.

**Jadual 5:** Penglibatan Umum Ahli Isi Rumah

<b>N O</b>	<b>Penyataan(N=600)</b>	<b>TP</b>	<b>SS</b>	<b>KK</b>	<b>K</b>	<b>SK</b>	<b>Purata</b>	<b>Tahap Penglibatan</b>
<b>A1</b>	Menyertai Program Hi Tea Bersama Komuniti	92.3	4.0	2.7	0.7	0.3	1.13	R
<b>A2</b>	Menyertai Program Gotong Royong	83.4	9.5	3.8	2.3	1.0	1.28	R
<b>A3</b>	Menyertai Program CSR/Sukarelawan	88.4	6.0	3.8	1.2	0.7	1.20	R
<b>A4</b>	Menyertai Program Hari Hutan Sedunia	87.4	7.3	2.7	1.7	1.0	1.22	R
<b>A5</b>	Menyertai Program Hari Terbuka FRIM	87.9	5.5	3.5	1.7	1.5	1.23	R
<b>A6</b>	Menyertai Program Menanam Pokok	90.2	5.0	2.8	1.5	0.5	1.17	R
<b>A7</b>	Menyertai Stakeholders Tapak FRIM Bengkel Warisan	92.8	2.8	2.2	1.0	1.2	1.15	R
<b>A8</b>	Menyertai Sesi Dialog Bersama Orang Awam	93.2	4.2	1.7	0.5	0.5	1.11	R
<b>A9</b>	Menyertai Program Sekolah Angkat	93.2	2.8	1.7	1.3	1.0	1.14	R
<b>A10</b>	Menyertai kursus yang dianjurkan FRIM	92.8	2.7	1.8	1.5	1.2	1.15	R
	<b>Purata Populasi</b>						1.18	R

Sumber: Soal Selidik di Lapangan (2017)

## Penglibatan Ahli Isi Rumah Dalam Peringkat Penglibatan

Secara keseluruhannya, purata nilai skor min adalah 1.12 iaitu peringkat penglibatan ahli isi rumah di peringkat perancangan adalah di tahap yang rendah. Penglibatan komuniti dalam peringkat perancangan diteliti melalui kehadiran dalam perjumpaan dan perbincangan, pengutaraan cadangan serta menilai kemungkinan permasalahan dalam perancangan program bersama pengurusan FRIM. Kehadiran komuniti dalam perjumpaan bersama pihak pengurusan FRIM memperolehi nilai min yang tertinggi di antara 10 item yang disoal dalam peringkat perancangan pemuliharaan FRIM iaitu 1.17. Selain itu, hasil analisis menunjukkan bahawa penglibatan komuniti di peringkat pelaksanaan adalah di tahap rendah dengan purata nilai skor min adalah 1.22. Jadual 3 menunjukkan skor min tertinggi oleh ahli isi rumah dalam membantu dalam mempromosi dan memberi hebahan kepada komuniti lain tentang program yang akan dilaksanakan berbanding pernyataan-pernyataan lain dalam peringkat pelaksanaan iaitu 1.77. Sebanyak 91.8 % (551 orang)


responden turut menyatakan bahawa tidak pernah terlibat atau menjadi AJK dalam pelaksanaan aktiviti berkaitan program pemuliharaan TWK FRIM.

**Jadual 6:** Penglibatan Ahli Isi Rumah Di Peringkat Pelaksanaan

N O	Penyataan (n=600)	TP	SS	KK	K	SK	Purata	Tahap penglibatan
C1	Membantu dalam mempromosi dan memberi hebahan kepada komuniti lain tentang program yang akan dilaksanakan	65.7	10.1	11.3	6.7	6.2	1.77	R
C2	Menjadi AJK dalam pelaksanaan aktiviti	91.8	3.5	1.8	1.7	1.2	1.17	R
C3	Mengaplikasi pengetahuan semasa melaksanakan aktiviti	88.7	5.5	3.5	1.8	0.5	1.20	R
C4	Mengaplikasi kemahiran semasa melaksanakan aktiviti	89.0	4.5	4.0	1.8	0.7	1.21	R
C5	Terlibat dalam membantu pihak pengurusan dalam menjalankan aktiviti atau program	89.7	5.3	2.5	1.7	0.8	1.19	R

Sumber: Soal Selidik di Lapangan (2017)

Keputusan menunjukkan tahap penglibatan ahli isi rumah di peringkat pemantauan sama seperti peringkat perancangan dan pelaksanaan adalah rendah dengan nilai purata min skor 1.20. Penglibatan komuniti dalam peringkat ini diukur melalui penglibatan dalam pemantauan seperti aktiviti rondaan, melaporkan kemasukan tanpa izin, pencerobohan, kecurian flora fauna, pembuangan sampah sarap, dan pembakaran kawasan hutan. Sebanyak 82.5% (495 orang) responden yang ditemuramah menyatakan bahawa penglibatan mereka sangat kerap dalam melaporkan tentang gangguan hidupan liar berbanding penyataan lain (Rajah 2).



**Rajah 2:** Penglibatan Ahli Isi Rumah Dalam Peringkat Pemantauan  
Sumber: Soal Selidik di Lapangan (2017)

Penglibatan komuniti di peringkat perkongsian faedah berada di tahap yang rendah dengan purata nilai skor min 2.23. Empat daripada 10 penyataan menunjukkan nilai min yang tinggi dengan julat 2.34 hingga 3.66 iaitu di tahap sederhana. Antara penyataan yang disoal dalam peringkat penglibatan perkongsian faedah ialah kekerapan memperolehi kesedaran dalam memelihara FRIM, menikmati udara yang bersih dan berkualiti, menikmati alam sekitar kaya dengan flora dan fauna dan memperolehi tahap kesihatan yang lebih baik. Sebanyak 168 orang (28%) responden menyatakan sangat kerap menikmati udara bersih yang berkualiti melalui aktiviti pemuliharaan FRIM. Manakala penyataan ahli isi rumah dalam



menambahkan pendapatan sampingan mendapat catatan tertinggi dalam skala tidak pernah iaitu 78.5% (471 orang).

### Indeks penglibatan

Jadual 4.2 menunjukkan indeks penglibatan komuniti kejuruan untuk empat peringkat penglibatan dalam program pemuliharaan TWK FRIM. Hasil kajian menunjukkan bahawa penglibatan komuniti pada amnya adalah rendah merentasi semua empat peringkat penglibatan yang dikaji. Walau bagaimanapun, indeks penglibatan (*PI*) dalam perkongsian faedah mempunyai sekurang-kurangnya nilai 0.1 berbanding peringkat penglibatan yang lain hanya mencatat nilai  $PI=0.04$ .

**Jadual 6:** Indeks Penglibatan Mengikut Peringkat

Peringkat Penglibatan	Indeks Penglibatan (PI)
Perancangan	0.04
Pelaksanaan	0.04
Pemantauan	0.04
Perkongsian Faedah	0.08

**Sumber:** Soal Selidik di Lapangan (2017)

### PERBINCANGAN

Haslina & Regina (2009), telah menyatakan bahawa terdapat 11 faktor yang mempengaruhi setiap penglibatan komuniti seperti kesedaran tentang faedah program, keperluan sosial dan personaliti dan keinginan melihat sumber alam kebudayaan kekal. Umumnya, penduduk di sekitar TWK FRIM hanya masuk ke FRIM dengan tujuan untuk beriadah dan menikmati keindahan alam semulajadi. Selain itu, penglibatan tinggi oleh penduduk kawasan perumahan Taman Ehsan kerana kedudukan lokasi kawasan hampir dengan kawasan TWK FRIM serta mempunyai purata penduduk yang ramai berbanding komuniti dari kawasan penempatan yang lain. Menurut Fauziah et al. (2015), umur responden merupakan faktor utama dalam menentukan suatu penglibatan masyarakat dalam program yang dilaksanakan selain masa, kewangan dan jarak perjalanan. Faktor demografik yang lain seperti status perkahwinan, peranan individu, kesedaran dan sikap individu turut menyumbang kepada pembabitian seseorang responden terhadap sesuatu aktiviti.

Dari segi tahap penglibatan, kerjasama komuniti dalam peringkat perancangan seperti memberikan cadangan, idea serta kerjasama dalam membuat keputusan adalah rendah. Penglibatan komuniti dalam peringkat perancangan secara tidak langsung dapat melatih dalam merancang sebelum pelaksanaan sesuatu keputusan dijalankan. Secara umumnya, majoriti komuniti di sekitar TWK FRIM masih mempunyai kesedaran dalam menjaga kebersihan di kawasan kediaman mereka dan secara tidak langsung terlibat dalam menjaga persekitaran TWK FRIM melalui penglibatan mereka dalam aktiviti gotong-royong yang dilakukan secara berkelompok oleh pihak FRIM khususnya. Penentuan purata skor min dilihat dapat menjelaskan tahap penglibatan komuniti bagi setiap peringkat sama ada rendah, sederhana mahupun tinggi.

Manakala penentuan nilai indeks penglibatan secara tidak langsung dapat memberi gambaran tentang peluang komuniti untuk terlibat dalam program yang dianjurkan oleh pihak pengurusan TWK FRIM. Kamnab (2003) menyatakan peningkatan nilai 0-1 menunjukkan peningkatan dalam tahap penglibatan komuniti khususnya berkaitan peringkat pengurusan sumber hutan secara spesifik. Indeks penglibatan komuniti kejuruan mencatat nilai yang sangat rendah dalam peringkat perancangan, pelaksanaan dan pemantauan, disebabkan peluang penglibatan yang rendah mahupun tiada penglibatan langsung dari kalangan

komuniti dalam program pemuliharaan TWK FRIM. Quazi et al. (2008) melaporkan bahawa penduduk tempatan kebanyakannya terlibat dalam perkongsian manfaat bersama dalam pengurusan hidupan liar, dan agak kurang terlibat dalam peringkat perancangan dan penilaian.

## KESIMPULAN

Proses pemuliharaan memerlukan penglibatan sepenuhnya daripada masyarakat serta komuniti terutamanya mereka yang tinggal di dalam ataupun berhampiran dengan sesebuah kawasan, tapak atau bangunan yang bakal melalui proses pemuliharaan. Penglibatan masyarakat penting dalam menyebarkan kesedaran serta menerapkan pendidikan di kalangan komuniti tentang betapa pentingnya pelaksanaan proses pemuliharaan tersebut. Penglibatan, latihan, seminar dan sebagainya merupakan salah satu inisiatif yang terbaik untuk meningkatkan tahap kesedaran serta penglibatan komuniti terhadap usaha pemuliharaan sesuatu kawasan (Yazid, 2010; Mustafa et.al, 2017).

Hasil kajian mendapati bahawa penglibatan komuniti terhadap usaha pemuliharaan FRIM sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO dalam peringkat perancangan, pelaksanaan, pemantauan serta perkongsian faedah adalah di tahap yang rendah. Bentuk penglibatan komuniti terbahagi kepada dua bentuk iaitu ketara atau nyata (*tangible*) dan bentuk tak ketara atau tak nyata (*intangible*) (Musta et.al, 2017). Semua responden yang dikategorikan sebagai ketara ini pernah melihat dan melibatkan diri dalam aktiviti yang dijalankan di kawasan TWK FRIM. Kebanyakan responden yang terlibat mempunyai jawatan atau terlibat dalam persatuan seperti kelab "*Friends of FRIM*" dan menyertai organisasi bukan kerajaan atau kelab berkaitan alam sekitar. Minat terhadap persekitaran TWK FRIM dapat dilihat melalui kesanggupan dalam membayar Pas Riadah Tahunan untuk menjadi pengunjung tetap di FRIM.

Semenjak pengisytiharan sebagai Tapak Warisan Kebangsaan pada 2012, konsep sumber asli dan pemuliharaan sumber warisan ini semakin kurang dihayati oleh komuniti terhadap persekitaran TWK FRIM. Menerusi kajian ini, sedikit sebanyak dapat membantu dalam memberikan maklumat asas kepada FRIM untuk menambahbaik program sedia ada dan memperkasakan lagi usaha dalam meningkatkan tahap penglibatan komuniti terhadap pemuliharaan TWK FRIM. Penglibatan komuniti dapat meningkatkan perkongsian faedah ekonomi, sosial dan persekitaran seterusnya dapat mengukuhkan strategi untuk pengurusan pemuliharaan secara mampan kearah mendapat pengiktirafan Tapak Warisan Dunia UNESCO.

**RUJUKAN**

- Cohen, J.M., & Uphoff, N.T. (1980). Participation's place in rural development: Seeking Clarity through specificity. *World Development*, 8(3), 213-235.
- Fauziah et al. (2015). Tahap Penyertaan ahli pergerakan wanita pekebun kecil (PWPK) dalam aktiviti pembangunan komuniti di Johor. In Prosiding Persidangan Antarabangsa Kelestarian Insan kali ke-2 2015, uthm, Batu Pahat-Johor, 473-484.
- Kwok C.H & Haris A.W (2013). Tahap penglibatan masyarakat rumah panjang dalam program pembasmian kemiskinan di Sarawak. *e-Bangi Journal of Social Sciences and Humanities* (Vol 8(1): 12 (Non –ISI/Non-SCOPUS)
- Ajayi, R. (2006). Women's participation in self –help community development projects in NDOKWA agricultural zone of Delta State, Nigeria. *Community Development Journal*, 41(2), 189-209
- Azlizan Talib, H.J & Y.Ib. (2009). Penyertaan komuniti luar bandar dalam keusahawanan melalui program gerakan daya wawasan (GDW). In prosiding *PERKEM* (Vol. 2, pp.369-384)
- Adams Marshall Alhassan (2010). Analysis of primary stakeholders' participation in forest resources management: The case of the Krokosua Hills Forest Reserve, Ghana. Thesis submitted to Kwame Nkrumah University of Science and Technology, Kumasi.
- Phan Kamnap (2003). The impact of local people's participation in forest concession management in Cambodia: A case study of the colexim forest concession company in Kampong Thom Province. Thesis submitted to Asian Institute of Technology School of Environment, Resources and Development, Thailand
- Asnarulkhadi Abu Samah, Nobaya Ahmad, & Ndaeji, M.N. (2013). Rural women empowerment through self help groups in Nigeria; The role of participation and volunteerism. *Life Science Journal*, 10(4), 747-753